



# **GARIS PANDUAN**

## **RUJUKAN KONTAK/ PASANGAN JANGKITAN HIV**

**Sektor HIV/ STI/ Hepatitis C  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**EDISI PERTAMA**

**2024**

# **GARIS PANDUAN RUJUKAN KONTAK/ PASANGAN JANGKITAN HIV**

Buku ini adalah hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa juga pun atau dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotologi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **DITERBITKAN OLEH:**

Sektor HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.  
Cetakan Pertama: Mac 2024

## **PENASIHAT**

Dr Anita binti Suleiman

## **SIDANG PENGARANG**

### **KETUA EDITOR**

Dr Fazidah binti Yuswan

### **EDITOR**

Dr Natalia binti Che Ishak  
Hasliza binti Mohammad

# PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan garis panduan ini.

## Senarai Penyumbang

- |     |                                       |  |
|-----|---------------------------------------|--|
| 1.  | Dr Norliza Ibrahim                    | Ketua Penolong Pengarah Kanan,<br>Sektor HIV/STI/Hep C                   |
| 2.  | Dr. Mohd Izzar Anwari bin Abdul Khani | Ketua Penolong Pengarah<br>Sektor HIV/STI/Hep C                          |
| 3.  | Dr Noor Haslinda Binti Ismail         | Bahagian Pembangunan Kesihatan<br>Keluarga                               |
| 4.  | Kua Ah Kiong                          | Pegawai Kesihatan Persekitaran,<br>Sektor Inspektorat & Perundangan      |
| 5.  | Mohamad Nasri bin Abdullah            | Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran,<br>Sektor Inspektorat & Perundangan |
| 6.  | Dr Rohemi Abu Bakar                   | Pegawai AIDS JKN Perlis  |
| 7.  | Dr Azlina binti Azlan                 | Pegawai AIDS JKN Kedah   |
| 8.  | Dr Peter Chang Chung Meng             | Pegawai AIDS JKN Perak   |
| 9.  | Dr Janizah binti Abd Ghani            | Pegawai AIDS JKN Pulau Pinang  |
| 10. | Dr Sharifah Nor binti Ahmad           | Pegawai AIDS JKN Negeri Sembilan   |
| 11. | Dr Ismawati binti Ismail              | Pegawai AIDS JKN WP KL & Putrajaya                                       |
| 12. | Dr Mahanim binti Md Yusof             | Pegawai AIDS JKN Melaka  |
| 13. | Dr Nurmawati binti Ahmad              | Pegawai AIDS JKN Johor   |
| 14. | Dr Haseanti binti Husein              | Pegawai AIDS JKN Sabah   |
| 15. | Dr Mahani binti Nordin                | Pegawai AIDS JKN Terengganu  |
| 16. | Dr Nik Normanieza binti Nik Man       | Pegawai AIDS JKN Kelantan  |
| 17. | Dr Nazirah Binti Jusoh                | Pegawai AIDS JKN Pahang  |
| 18. | Dr Ruziana binti Miss                 | Pegawai AIDS JKN Sarawak   |
| 19. | Dr Edwin De Cruz                      | Pegawai AIDS JKN WP Labuan   |
| 20. | Steffi Lindong Anak Umggam            | Penolong Pegawai Kesihatan<br>Persekitaran, JKN Sarawak                  |

## Senarai Penyumbang

- |     |                                       |   |
|-----|---------------------------------------|---|
| 21. | Awang Azemi Bin Awang Putit           | Pasukan Kaunselor Jabatan Pesakit Luar Klinik Kesihatan Tanah Puteh, Kuching, Sarawak |
| 22. | Nor Fazilah Mohamed                   | Pasukan Kaunselor Unit HIV/STI/HEP C, JKN Pahang                                      |
| 23. | Muhammad Zulfahmi Bin Kamarudin Kalam | Pasukan Kaunselor Kesihatan awam /pesakit luar  |
| 24. | Norhasnilaini Binti Hashim            | Pasukan Kaunselor JPL, Klinik Kesihatan Ampang, Selangor                              |
| 25. | Nurul Ashnida Binti Abdul Wahid       | Pasukan Kaunselor PKD Kinta Perak   |
| 26. | Ahmad Faisal Bin Abdul Halim          | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat          |
| 27. | Rozelee Binti Panjang                 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan  |
| 28. | T.Saravanan A/L Tharmalingam          | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Jabatan Kesihatan Negeri Perak                |
| 29. | Wan Normirawati Binti Wan Omar        | Pasukan Kaunselor JKN Terengganu  |
| 30. | Ahmad Shubaili Bin Khairuddin         | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran JKN Terengganu                                |
| 31. | Balasubramaniam A/L Tambi Raja        | Pasukan Kaunselor JKWPKL  |
| 32. | Ismail Bin Abdul Latib                | Pasukan Kaunselor Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut, Pahang                           |
| 33. | Muhammad Naqib Bin Mohamed            | Pasukan Kaunselor Unit HIV/STI/Hepatitis C Negeri Johor                               |
| 34. | Saidah Binti Tukijan                  | Pasukan Kaunselor PKD Kuala Pilah, Negeri Sembilan                                    |
| 35. | Mohamad Syahmi Bin Mohd Shukeri       | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Cawangan Kawalan Penyakit Kelantan            |
| 36. | Mohd Affiq B Zakaria                  | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran PKD Kuantan, Pahang                           |
| 37. | Ahmad Borhanudin Bin Mohd.Ngesom      | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, JKN Johor                                    |
| 38. | Hairulesma Bin Masnin                 | Pasukan Kaunselor PKD Batu Pahat Johor  |
| 39. | Mohd Tarmizie Bin Nawi                | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, JKWPKL                                       |
| 40. | Mohd Zahari Bin Yaakop                | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Unit HIV/STI/Hep C, JKN Negeri Sembilan       |

# SEKAPUR SIRIH



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam pembangunan Garis Panduan Rujukan Kontak/ Pasangan Jangkitan HIV ini.

Pengesanan kontak/pasangan adalah satu proses untuk mengenal pasti kes indeks HIV dan memastikan mereka mengetahui bahawa mereka boleh menjangkitkan HIV kepada orang lain melalui hubungan seksual tidak selamat, perkongsian jarum suntikan, transmisi daripada ibu kepada anak juga melalui pemindahan darah atau organ yang tercemar.

Ia adalah prosedur yang amat penting dalam memastikan penyakit HIV dapat dibendung daripada menular dalam kalangan masyarakat.

Setiap anggota kesihatan yang terlibat dalam pengurusan pesakit HIV mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan pesakit indeks dan kontak/pasangan mereka. Tanggungjawab ini perlu diseimbangkan dengan hak kerahsiaan dan sensitiviti pesakit indeks dan kontak/pasangan.

Garis panduan ini, diharapkan dapat membantu anggota penyiasat khususnya Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) di daerah serta anggota-anggota perubatan lain seperti Pegawai Perubatan (PP), Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dan Jururawat Terlatih (JT) dalam membuat siasatan kes dan pengesanan kontak/pasangan dengan lebih cekap dan berkesan. Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan yang sangat berguna terutama kepada anggota-anggota kesihatan yang baru mengambil alih tugas sebagai anggota penyiasat dalam Unit HIV/STI/HCV di Pejabat Kesihatan Daerah.

Saya yakin dan percaya garis panduan ini akan dapat memberi manfaat kepada semua terutamanya yang bertugas dalam siasatan kes dan pengesanan kontak/pasangan bagi jangkitan HIV. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas sumbangan daripada semua pihak dalam penyediaan garis panduan ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR NORHAYATI BINTI RUSLI**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam),  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

# PRAKATA



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Pelbagai inisiatif telah dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengawal jangkitan HIV/AIDS di Malaysia. Untuk mencapai sasaran 95% yang pertama dalam NSPEA 2016-2030, rujukan kontak/pasangan jangkitan HIV adalah salah satu pendekatan penting ke arah mengakhiri AIDS menjelang tahun 2030. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai populasi kunci dan kontak/pasangan mereka untuk menjalani saringan dan mengetahui status HIV.

Beberapa siri mesyuarat dan bengkel bermula dari tahun 2022 hingga 2023 telah dijalankan untuk menghasilkan edisi pertama garis panduan rujukan kontak/pasangan jangkitan HIV. Garis panduan ini juga adalah selari dengan Garis Panduan Pelaksanaan Ujian Saringan HIV Kendiri di Malaysia yang telah diterbitkan pada Disember 2023 (edisi pertama).

Bahagian Kawalan Penyakit telah berusaha untuk memastikan garis panduan ini tepat dan lengkap. Bahagian Kawalan Penyakit juga mempunyai hak untuk mengubah dokumen garis panduan ini dari semasa ke semasa.

Sekian.



**DR ANITA BINTI SULEIMAN**

Pengarah Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

# SINGKATAN

<b>APPPB 1988</b>	Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
<b>CBT</b>	Community Based Testing
<b>FMS</b>	Family Medicine Specialist
<b>HIV</b>	Human Immunodeficiency Virus
<b>HIVST</b>	HIV Self Test
<b>HST</b>	HIV Testing Services
<b>NAR</b>	National AIDS Registry
<b>ODHA</b>	Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS
<b>PKP</b>	Pegawai Kesihatan Persekitaran
<b>PPKP</b>	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
<b>PrEP</b>	Pre-exposure Prophylaxis
<b>PWID</b>	Persons Who Inject Drugs
<b>RTK</b>	Rapid Test Kit

# GLOSARI

<b>Kes Indeks</b> ( <i>Index case</i> )	Orang yang dijangkiti dan telah dinotifikasikan dan didaftarkan sebagai kes HIV. Ini adalah kes rujukan bagi memulakan pengesanan kontak.
<b>Kontak (Contact)</b>	“Kontak” menurut APPPB 1988 ditafsirkan sebagai mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihindangi sesuatu penyakit berjangkit, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan.
<b>Kontak HIV</b> ( <i>HIV contact</i> )	Seseorang yang mempunyai hubungan dengan orang dijangkiti HIV <b>melalui cara-cara berikut:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hubungan seksual</li> <li>▪ Anak kepada wanita HIV</li> <li>▪ Berkongsi alat-alat suntikan dadah</li> <li>▪ Penerima darah atau organ</li> <li>▪ Tusukan jarum suntikan</li> </ul>
<b>Pasangan</b> ( <i>Partner</i> )	1) Individu yang mempunyai hubungan seksual samada berkahwin atau tidak berkahwin; atau 2) Individu yang berkongsi peralatan semasa menggunakan atau menyuntik dadah.
<b>Rujukan Pasangan</b> ( <i>Partner Referral</i> )	Satu proses di mana kes perlu memaklumkan status HIV kepada pasangan yang berkahwin dalam tempoh 24 jam. Sekiranya gagal, mana-mana anggota kesihatan yang difikirkan sesuai boleh memaklumkan kepada pasangan.
<b>Pengesanan kontak</b> ( <i>Contact tracing</i> )	Satu proses pengesanan kontak yang boleh dilakukan oleh PDK untuk mengenal pasti sama ada kontak tersebut dijangkiti ataupun tidak, punca jangkitan dan kepada siapa penularan jangkitan mungkin berlaku.
<b>Pegawai Diberikuasa</b> ( <i>Authorized officer</i> )	Mana-mana Pegawai Kesihatan, mana-mana Inspektor Kesihatan (PKP/PPKP), atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.



# KANDUNGAN

	Perkara	Mukasurat
<b>PENGHARGAAN</b>		ii
<b>SEKAPUR SIRIH</b>		iv
<b>PRAKATA</b>		v
<b>SINGKATAN</b>		vi
<b>GLOSARI</b>		vii
<b>ISI KANDUNGAN</b>		vii
<b>BAB 1:</b>		
Pengenalan		1
Objektif		3
1.1 Objektif umum		
1.2 Objektif khusus		
<b>BAB 2 :</b>		
<b>Rujukan kontak/pasangan</b>		4
A. Rujukan Kendiri - <i>Self Referral</i>		8
B. Dwi-Rujukan - <i>Dual Referral</i>		10
C. Rujukan Kesihatan - <i>Provider Referral</i>		12
<b>BAB 3:</b>		
Pendidikan vs Penguatkuasaan		15
<b>LAMPIRAN</b>		17
<b>RUJUKAN</b>		25

# SENARAI JADUAL

## Mukasurat

<b>Jadual 1</b>	: Rujukan Kontak/ Pasangan	<b>5</b>
<b>Jadual 2</b>	: Proses Kerja Rujukan Kontak/ Pasangan	<b>7</b>
<b>Jadual 3</b>	: Proses Kerja Rujukan Kendiri	<b>9</b>
<b>Jadual 4</b>	: Proses Kerja Dwi-Rujukan	<b>11</b>
<b>Jadual 5</b>	: Proses Kerja Rujukan Kesihatan	<b>13</b>

# SENARAI RAJAH

## Mukasurat

<b>Rajah 1</b>	: Taburan Kes HIV/AIDS, Malaysia (1986 – 2022)	<b>1</b>
<b>Rajah 2</b>	: Carta Alir Rujukan Kontak/ Pasangan	<b>6</b>
<b>Rajah 3</b>	: Carta Rujukan Kendiri/ <i>Self-Referral</i>	<b>8</b>
<b>Rajah 4</b>	: Carta Alir Dwi-Rujukan/ <i>Dual-Referral</i>	<b>10</b>
<b>Rajah 5</b>	: Carta Alir Rujukan Kesihatan/ <i>Provider Referral</i>	<b>12</b>




# SENARAI LAMPIRAN

	<b>Mukasurat</b>
<b>Lampiran 1</b> : Borang HIV-97 Pind.2	<b>18</b>
<b>Lampiran 2</b> : Maklumat rujukan <i>TestNow</i>	<b>20</b>
<b>Lampiran 3</b> : Borang rujukan pemeriksaan/rawatan WN/BWN	<b>21</b>
<b>Lampiran 4</b> : Notis Rujukan Pemeriksaan	<b>22</b>
<b>Lampiran 5</b> : Perundangan	<b>23</b>

# BAB 1:

## PENGENALAN

Jangkitan HIV/AIDS merupakan masalah kesihatan awam yang memerlukan komitmen dan kerjasama dari pelbagai pihak samada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, badan korporat, masyarakat umum atau individu. Malaysia secara amnya telah berjaya menurunkan jangkitan baru sehingga 50% di antara tahun 2000 dan 2009. Namun, mulai tahun 2010 sehingga kini, kadar penurunan semakin lembab iaitu hanya 24% di antara 2010 hingga 2022. Purata sebanyak 3,000 kes baru HIV dilaporkan setiap tahun. Pada akhir tahun 2022, dianggarkan terdapat lebih 86,142 orang hidup dengan HIV (ODHA) di mana 81% (69,589) mengetahui status HIV.



Rajah 1 : Taburan Kes HIV/AIDS, Malaysia (1986 – 2022)

Siasatan kes dan pengesanan kontak merupakan satu kaedah untuk mengenalpasti mereka yang telah dijangkiti HIV serta mencari punca dan tahap risiko jangkitan seseorang. Ianya perlu dilakukan bagi tujuan pencegahan, rawatan dan memberikan khidmat sokong bantu yang berkaitan. Siasatan perlu dijalankan secara telus dan rapi bagi setiap kes HIV yang dilaporkan untuk menentukan kontak seterusnya, menghalang penularan jangkitan kepada kontak baru atau merawat kontak yang telah dijangkiti.

Pengesanan kontak melalui kaedah pendekatan rujukan kontak/ pasangan (*partner referral*) merupakan strategi kesihatan awam yang sangat berkesan dalam mengawal penularan penyakit di kalangan kontak. Rujukan kontak/ pasangan merupakan elemen penting dalam mengekalkan status negatif pasangan serta memberi kaunseling dan rawatan jika telah dijangkiti. Pengetahuan ini penting untuk mengelakkan penularan HIV dalam kalangan kontak/ pasangan. Ini kerana dengan memahami kaedah jangkitan, mereka akan mengambil langkah-langkah pencegahan yang betul dan berkesan termasuk mengamalkan amalan seks dan perkongsian alat suntikan yang selamat.

# OBJEKTIF

Garis panduan ini dibangunkan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada semua Anggota Kesihatan dan Perubatan serta PKP/PPKP di Pejabat Kesihatan Daerah dalam melakukan prosedur rujukan kontak/pasangan jangkitan HIV.

## 1.1 OBJEKTIF UMUM

Memperkukuhkan prosedur rujukan kontak/ pasangan jangkitan HIV melalui penyeragaman tatacara pengesanan serta pengurusan kes dan kontak/pasangan.

## 1.2 OBJEKTIF KHUSUS

- a) Menyekat penularan jangkitan HIV melalui pengesanan awal kes dan kontak/pasangan.
- b) Mengesan kes dan kontak/pasangan menggunakan kaedah rujukan kontak/pasangan.
- c) Memberi kemahiran dan keyakinan kepada pegawai pelaksana dalam melakukan prosedur rujukan kontak/pasangan jangkitan HIV.
- d) Melaksanakan tindakan perundangan secara berhemah.

# BAB 2:

## RUJUKAN KONTAK/PASANGAN

Rujukan kontak/pasangan adalah suatu mekanisma atau proses memberitahu pasangan seks atau suntikan dadah bahawa mereka mungkin telah terdedah kepada penyakit berjangkit. Kontak/pasangan boleh dikesan melalui beberapa strategi pendekatan berbeza termasuk pengesanan melalui pesakit "indeks" yang dijangkiti, oleh anggota kesihatan, atau dengan kombinasi kedua-duanya.

Terdapat tiga (3) jenis pendekatan dalam proses ini. Jadual 1 menerangkan tindakan yang diambil di dalam setiap pendekatan yang digunakan.

Perincian aliran dan proses kerja di setiap peringkat pengurusan kontak/pasangan menggunakan pendekatan Rujukan Kendiri (*Self-Referral*) adalah seperti diterangkan dalam Rajah 3. Manakala pendekatan melalui kaedah Dwi-Rujukan (*Dual Referral*) adalah seperti di Rajah 4, dan Rajah 5 menerangkan tentang pendekatan menggunakan kaedah Rujukan Kesihatan (*Provider Referral*).

Pada masa kini, kaedah rujukan kesihatan (*Provider Referral*) yang berlandaskan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (APPPB 1988) adalah proses kerja yang digunakan oleh PKP/PPKP di lapangan. Namun, berdasarkan garis panduan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), gabungan kaedah rujukan sendiri dan dwi-rujukan dikenalpasti dapat membantu meningkatkan jumlah saringan kontak/ pasangan pesakit HIV. Rujukan sendiri adalah pendekatan saringan secara sukarela dan mesra pengguna. Ia menjadi pendekatan alternatif dalam meningkatkan saringan tanpa penguatkuasaan undang-undang. Walaubagaimanapun, APPPB 1988 adalah terpakai sekiranya kontak/pasangan didapati enggan menjalani ujian saringan selepas diberi pendidikan pra ujian.

## Jadual 1: Rujukan Kontak/Pasangan


### Tiga (3) Pendekatan bagi Rujukan Kontak/Pasangan

A. Rujukan Kendiri ( <i>Self-Referral</i> )	B. Dwi-Rujukan ( <i>Dual Referral</i> )	C. Rujukan Kesihatan ( <i>Provider Referral</i> )
i. Pesakit bertanggungjawab untuk memberitahu pasangan seks atau suntikan dadah bahawa mereka mungkin telah terdedah.	i. Pesakit, dengan bantuan daripada anggota kesihatan, memberitahu kontak/pasangan tentang risiko pendedahan mereka.	i. Pesakit memberikan butiran kontak/pasangan kepada anggota kesihatan.
ii. Pesakit memberikan kontak/pasangan maklumat tentang perkhidmatan kesihatan, termasuk kaunseling dan ujian.	ii. Anggota kesihatan berada bersama untuk membantu pesakit semasa proses dan memberikan kontak/pasangan maklumat dan akses kepada kaunseling, ujian dan sumber lain.	ii. Anggota kesihatan membuat pengesanan kontak/pasangan dan memaklumkan mereka tentang risiko pendedahan.
		iii. Pasangan diberikan, atau dirujuk untuk kaunseling, ujian, rawatan dan perkhidmatan lain oleh anggota kesihatan.



# Rujukan Kontak/Pasangan

Rajah 2: Carta Alir Rujukan Kontak/ Pasangan




Sesi diteruskan dengan jenis rujukan yang dipilih

**Jadual 2: Proses Kerja Rujukan Kontak/ Pasangan**

Tanggungjawab	Aktiviti	Dokumen Rujukan
Fasiliti yang membuat pengesahan	Kes Indeks Positif dikesan	
Pegawai Perubatan	<p>Membuat notifikasi penyakit berjangkit kepada Pejabat Kesihatan Daerah dan mengisi notifikasi &amp; Borang Maklumat Pesakit HIV/AIDS (HIV-97 Pind. 2)(Jika perlu)</p> <p>Kaedah rujukan yang dipilih pesakit perlu dimasukkan ke dalam ruangan 'Komen' dalam sistem <i>e-notifikasi</i>.</p> <p>Jika tiada pilihan dicatatkan di ruangan 'Komen", pilihan adalah dianggap sebagai <i>Provider Referral</i>.</p>	e-Notifikasi HIV-97 Pind. 2
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	<p>Pendidikan kesihatan diberikan kepada Kes Indeks tentang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Rawatan awal (<i>Treatment as Prevention</i>)</li> <li>ii. <i>Viral Load dan U=U (Undetectable = Untransmittable)</i></li> <li>iii. Pencegahan jangkitan</li> <li>iv. Risiko jangkitan</li> <li>v. Rujukan Kontak/ Pasangan ke (CBT/HIVST/Klinik) - secara sukarela</li> </ul>	Maklumat rujukan <i>Test Now</i>
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	<p>Memberikan penerangan terperinci tentang 3 (tiga) jenis rujukan kontak/ pasangan dan menawarkan Kes Indeks untuk membuat pilihan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>A.</b> Rujukan Kendiri/ <i>Self-Referral</i></li> <li><b>B.</b> Dwi-Rujukan/ <i>Dual-Referral</i></li> <li><b>C.</b> Rujukan Kesihatan/ <i>Provider Referral</i></li> </ul>	

# RUJUKAN KENDIRI/ *Self Referral*

Rajah 3: Carta Alir Rujukan Kendiri




\*\* Prosedur ujian pengesahan dan tindakan selanjutnya adalah mengikut prosedur sedia ada di fasiliti kesihatan.

**Jadual 3: Proses Kerja Rujukan Kendiri**

Tanggungjawab	Aktiviti	Dokumen Rujukan
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	<p>Kes Indeks memilih kaedah rujukan <b>A</b>: Rujukan Kendiri</p> <p>Serahkan kepada Kes Indeks:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Maklumat rujukan <i>TestNow</i> diserahkan bersama/tanpa Kit Ujian Kendiri</li> <li>2. Kondom (jika perlu)</li> </ol> <p>Penerangan jelas dan lengkap diberikan kepada Kes Indeks tentang keperluan pemberian maklumat rujukan <i>Test Now</i> dan tatacara penggunaan Kit Ujian Kendiri untuk disampaikan kepada kontak/pasangan beliau.</p>	Maklumat rujukan <i>TestNow</i>
Kes Indeks	Kes Indeks balik dan memberitahu kontak/pasangan dan memberikan penerangan berkaitan maklumat rujukan <i>TestNow</i> dan Kit Ujian Kendiri.	
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	Kes indeks diingatkan untuk menggunakan Kit Ujian yang telah diberi dengan kadar segera dan kit tidak digunakan dikembalikan semasa temujanji seterusnya.	
Kontak/ Pasangan	Jika keputusan RTK reaktif:	
	Menjalani ujian pengesahan dan mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan. Prosedur ujian pengesahan dan tindakan selanjutnya adalah mengikut prosedur sedia ada di fasiliti kesihatan.	
	Jika keputusan RTK tidak reaktif:	
	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membuat ujian ulangan secara berkala (ujian ulangan dalam tempoh 3 – 6 bulan)</li> <li>ii. Disarankan mendapatkan rawatan PrEP di fasiliti yang menyediakan perkhidmatan tersebut.</li> </ol>	

# DWI-RUJUKAN/ *Dual-Referral*

Rajah 4: Carta Alir Dwi-Rujukan




\*\* Prosedur ujian pengesahan dan tindakan selanjutnya adalah mengikut prosedur sedia ada di fasiliti kesihatan.

**Jadual 4: Proses Kerja Dwi-Rujukan**

<b>Tanggungjawab</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Dokumen Rujukan</b>
	Kes Indeks memilih kaedah rujukan <b>B</b> : Dwi-Rujukan	
	Kes Indeks dan kontak/ pasangan hadir ke Pusat Rawatan	
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	<i>Jika tidak hadir:</i>	
	Tindakan susul semula sebanyak 3 kali (Kaunseling)	
	Menawarkan Kes Indeks dan kontak/ pasangan untuk membuat pilihan rujukan (A) atau (C) sekiranya kontak/pasangan masih tidak hadir tindakan susul semula sebanyak 3 kali (Kaunseling) ** sekiranya masih tidak hadir, penguatkuasaan Akta 342 dipertimbangkan.	
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	<i>Jika hadir:</i>	
	Anggota kesihatan berada bersama-sama Kes Indeks untuk membantu semasa proses memberikan maklumat dan akses kepada kaunseling, ujian dan sumber lain kepada kontak/pasangan.	
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	Lakukan saringan ke atas kontak/ pasangan dengan menggunakan RTK.	
	Keputusan ujian RTK  Jika reaktif, teruskan dgn ujian pengesahan (Rujuk pekeliling KPK Ujian saringan & pengesahan HIV, Tahun 2020)	
	Jika tidak reaktif, pendidikan kesihatan diberikan dan prosedur tamat	
Kaunselor Paramedik/ Pegawai Perubatan/ FMS	Kontak/ pasangan menjalani ujian pengesahan dan mendapatkan perkhidmatan kesihatan selanjutnya. Prosedur ujian pengesahan dan tindakan selanjutnya adalah mengikut prosedur sedia ada di fasiliti kesihatan.	Daftar Kontak/ pasangan

# RUJUKAN KESIHATAN/ *Provider-Referral*

Rajah 5: Carta Alir Rujukan Kesihatan



\*\*sekiranya ujian pengesahan positif, PKP/PPKP hendaklah mendaftarkan kes ke dalam enotis dan mengemaskini sistem NAR

**Jadual 5: Proses Kerja Rujukan Kesihatan**

Tanggungjawab	Aktiviti	Dokumen Rujukan
PKP/PPKP	Menerima notifikasi daripada fasiliti: 1. Hospital Kerajaan/Swasta 2. Klinik Kerajaan/Swasta 3. Penjara 4. Pusat Serenti	
PPKP	Menjalankan siasatan dan pengesanan kes serta mendapatkan senarai kontak/pasangan.	Daftar Kes/Kontak
PPKP	Kontak/pasangan tidak ditemui - Melakukan ulang lawatan siasatan secara berkala - Ulangan sehingga 3 kali mengikut Manual Pengesanan dan Penyiasatan Kes dan Kontak Kes HIV Edisi Tahun 2015 - Sekiranya gagal, PKP/PPKP berbincang dengan Pegawai Kesihatan Daerah untuk tindakan selanjutnya (Tindakan perundangan berdasarkan Akta 342 boleh dipertimbangkan)	Manual Pengesanan dan Penyiasatan Kes dan Kontak Kes HIV Edisi Tahun 2015
PPKP	Pendidikan kesihatan diberikan kepada kontak/pasangan tentang: • Kepentingan ujian saringan HIV • Prosedur ujian saringan HIV • Rawatan awal ( <i>treatment as prevention</i> ) • <i>Viral Load dan U=U (Undetectable = Untransmittable)</i> • Pencegahan jangkitan • Risiko	
PPKP	Menjalankan ujian saringan menggunakan Rapid Test Kit (RTK) ke atas kontak/pasangan.	



Tanggungjawab	Aktiviti	Dokumen Rujukan
PPKP	<p>Jika keputusan RTK reaktif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan tarikh temujanji dan membuat penyelarasan dengan Klinik Kesihatan terdekat untuk merujuk kontak/ pasangan.</li> <li>ii. Rujuk ke klinik kesihatan terdekat dengan menggunakan Borang Rujukan Pemeriksaan/ Rawatan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Warganegara (WN)</li> <li>- Bukan Warganegara (BWN)</li> </ul> </li> </ul>	Borang Rujukan Pemeriksaan/ Rawatan WN atau BWN
PPKP	<p>Jika keputusan RTK tidak reaktif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Memberikan Pendidikan Pencegahan kepada kontak/ pasangan.</li> <li>iv. Membuat ujian ulangan secara berkala (ujian ulangan dalam tempoh 3 – 6 bulan) ke atas kontak/ pasangan</li> <li>v. Rujukan untuk PrEP menggunakan Borang Rujukan Pemeriksaan</li> </ul>	Notis Rujukan Pemeriksaan
PPKP	Melakukan <i>follow-up</i> kehadiran dan perkhidmatan kesihatan selanjutnya bagi kontak/ pasangan di Klinik Kesihatan	

# BAB 3:

## PENDIDIKAN *vs* PENGUATKUASAAN

Bagi setiap siasatan kontak/pasangan bagi kes jangkitan HIV yang dijalankan, ada beberapa kemungkinan situasi yang boleh berlaku seperti ingkar/ enggan menjalani pemeriksaan, enggan memberi kerjasama dan memberikan maklumat palsu.

Seseorang pesakit mungkin tidak bersedia untuk mendedahkan status mereka atau identiti pasangan apabila ujian pertama adalah positif. Mereka hendaklah diberi nasihat yang jelas tentang faedah rujukan kontak/ pasangan dan risiko jangkitan dengan terperinci supaya mereka boleh membuat pilihan yang sesuai dan tepat.

Oleh itu, semakan dan tindak susul ke atas setiap kes indeks yang didaftarkan hendaklah diulang secara berkala oleh anggota kesihatan, memandangkan kesediaan seseorang untuk mendedahkan atau memberi persetujuan kepada perkhidmatan rujukan kontak/ pasangan mungkin berubah dari semasa ke semasa mengikut peningkatan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap anggota dan perkhidmatan kesihatan serta tahap kesedaran mereka tentang penyakit yang dihadapi.

Penguatkuasaan undang-undang dalam konteks kaedah rujukan kontak/pasangan adalah pendekatan pilihan yang bergantung kepada situasi mengikut kes tertentu.

### *Contoh Ilustrasi Kes 1:*

- Pesakit A merahsiakan status beliau yang disahkan positif HIV dan kegiatan berisiko beliau daripada pengetahuan isterinya. Isteri Pesakit A disahkan hamil dan telah melalui ujian saringan HIV di klinik kesihatan. Keputusan ujian mendapati isteri Pesakit A juga disahkan positif HIV.
- Seksyen 12, APPPB 1988 memperuntukkan bahawa orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit. Tindakan perundangan di bawah subseksyen 12(2) APPPB 1988 boleh diambil ke atas Pesakit A.

*Contoh Ilustrasi Kes 2:*

Kes Kontak/ pasangan enggan/ ingkar

- Kontak/ pasangan telah ditemui. Kaedah pendidikan dan psikologi telah diberikan untuk merujuk kontak/ pasangan ke klinik kesihatan untuk pemeriksaan dan rawatan. Akan tetapi, kontak/ pasangan masih enggan ke klinik kesihatan walaupun setelah beberapa kali lawatan dan dihubungi.
- Tindakan perundangan di bawah subseksyen 15(1) APPPB 1988 boleh diambil ke atas kontak/ pasangan tersebut.

Punca kuasa dalam melaksanakan tindakan undang-undang terhadap kontak/pasangan HIV bermasalah ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah APPPB 1988 dan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). Sila rujuk **Lampiran 5**.



---

# LAMPIRAN

---



Notifikasi / laporan ini hendaklah dihantar kepada Pegawai Kesihatan Daerah berhampiran

<b>1. IDENTITI KES</b> No. KP Baru <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		No. KP lama/ No. Pasport/ <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>																					
Nama _____ Alamat Semasa _____ Alamat Tetap _____ Tarikh Lahir <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> d d m m y y		Kumpulan Etnik <input type="checkbox"/> Melayu <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> O/Asli Semenanjung <input type="checkbox"/> Siam/thai <input type="checkbox"/> Bumiputra Sabah <input type="checkbox"/> Bumiputra Sarawak <input type="checkbox"/> WN Asing																					
Umur <input type="text"/> <input type="text"/> (Tahun) <input type="text"/> <input type="text"/> (Bulan) <input type="text"/> <input type="text"/> (Hari)		Jantina <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan <input type="checkbox"/> Transvestile Taraf Perkahwinan <input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Ceraai																					
Pekerjaan Terakhir <input type="checkbox"/> Penganggur <input type="checkbox"/> Pelacur <input type="checkbox"/> Kakitangan Kerajaan – Profesional <input type="checkbox"/> Kakitangan Kerajaan – Sokongan <input type="checkbox"/> Pelajar Sepenuh Masa <input type="checkbox"/> Pasukan Beruniform <input type="checkbox"/> Nelayan / Penjual Ikan		<input type="checkbox"/> Pekerja Swasta – Executive <input type="checkbox"/> Pekerja Swasta – Non-Executive <input type="checkbox"/> Suri Rumahtangga <input type="checkbox"/> Pemandu Jarak Jauh <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) _____ <input type="checkbox"/> Tidak Diketahui																					
<b>2. RISIKO JANGKITAN (Boleh isi lebih daripada satu)</b> <input type="checkbox"/> Homoseksual <input type="checkbox"/> Biseksual <input type="checkbox"/> Heteroseksual <input type="checkbox"/> IDUs <input type="checkbox"/> Vertikal (ibu ke anak)		<input type="checkbox"/> Needle Prick Injury <input type="checkbox"/> Penerima transfusi darah/ Bahan Darah <input type="checkbox"/> Tidak diketahui																					
<b>4. HASIL UJIAN HIV</b> Tarikh disahkan HIV positif <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> d d m m y y		<b>3. UJIAN SARINGAN HIV</b> Tarikh contoh darah diambil <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> d d m m y y Sebab ujian saringan dilakukan <input type="checkbox"/> Program Saringan <input type="checkbox"/> Penderma darah <input type="checkbox"/> Ibu mengandung <input type="checkbox"/> P Serenti <input type="checkbox"/> Penjara <input type="checkbox"/> Pelacuran <input type="checkbox"/> Lain-lain _____ <input type="checkbox"/> Dinasihati oleh doktor <input type="checkbox"/> Permintaan Pesakit																					
<b>5. LAIN-LAIN MAKLUMAT</b> Pernah menderma darah? <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> d d m m y y		<b>6. KES AIDS</b> Tarikh disahkan sebagai kes AIDS <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> d d m m y y CD4 count (jika ada) <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> Wad/Klinik/Hospital _____ No. Daftar _____																					
<b>7. PEMBERITAHUAN PASANGAN (Partner Notification)</b> Kepada isteri / suami <input type="checkbox"/> Sudah <input type="checkbox"/> Belum Jika sudah, tarikh diberitahu <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> d d m m y y																							
<b>8. MAKLUMAT MENGENAI KONTAK (SEKSUAL / IDUs)</b> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Nama</th> <th style="width: 35%;">Hubungan</th> <th style="width: 20%;">Alamat</th> <th style="width: 30%;">Tarikh kontak Akhir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. _____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>2. _____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>3. _____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>4. _____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> </tbody> </table>				Nama	Hubungan	Alamat	Tarikh kontak Akhir	1. _____	_____	_____	_____	2. _____	_____	_____	_____	3. _____	_____	_____	_____	4. _____	_____	_____	_____
Nama	Hubungan	Alamat	Tarikh kontak Akhir																				
1. _____	_____	_____	_____																				
2. _____	_____	_____	_____																				
3. _____	_____	_____	_____																				
4. _____	_____	_____	_____																				



Maklumat rujukan *TestNow*

**Rujukan Kontak/ Pasangan ke CBT/ HIVST/ Klinik Secara Sukarela**  
*Contact/Partner Referral to CBT/ HIVST/ Clinic on a Voluntary Basis*

**Sila ke klinik kesihatan berhampiran anda untuk  
pemeriksaan dan rawatan percuma  
atau,**

**Sila imbas kod QR di bawah untuk Ujian Kendiri  
di lokasi anda.**



**FAST. COMFORTING. CONFIDENTIAL**

**MEMO RUJUKAN BAGI PEMERIKSAAN DAN RAWATAN KONTAK PESAKIT DENGAN PENYAKIT BERJANGKIT  
BAGI WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA**

Kepada Pegawai Perubatan Y/M Nama Fasiliti:  
Alamat:  
Daerah:

Nama Kes Indeks:

Tuan/Puan,

**SENARAI KONTAK UNTUK PEMERIKSAAN DAN RAWATAN**

Berikut diajukan senarai kontak/ pasangan bagi kes ..... untuk menjalani pemeriksaan/rawatan di klinik tuan.

Bil.	Nama Kontak	Hubungan dengan Indeks	No. Pengenalan Diri	Umur	Jantina	Alamat semasa & No. Telefon
1						
2						
3						

Sukacita tuan dapat melakukan pemeriksaan/rawatan ke atas mereka. Sekian, terima kasih.

.....  
(Tandatangan)

Nama:

Jawatan:

No. Telefon:

Pejabat Kesihatan Daerah:

Tarikh:



## NOTIS RUJUKAN PEMERIKSAAN

Adalah dimaklumkan bahawa penyiasatan pihak kami mendapati tuan/puan bernama ..... dan/atau \*individu/mereka yang di bawah jagaan tuan/puan bernama:

- |         |          |
|---------|----------|
| 1. .... | 2. ....  |
| 3. .... | 4. ....  |
| 5. .... | 6. ....  |
| 7. .... | 8. ....  |
| 9. .... | 10. .... |

mempunyai kaitan rapat dengan pesakit yang boleh menyebabkan tuan/puan atau individu/mereka yang di bawah jagaan tuan/puan turut mendapat penyakit berjangkit.

2. Oleh yang demikian, tuan/puan dan/atau individu/mereka yang di bawah jagaan tuan/puan diarah untuk menghadirkan diri ke ..... (nama klinik) pada waktu pejabat dalam **tempoh 2 minggu** dari tarikh surat ini bagi menjalani pemeriksaan saringan dan pengesanan penyakit.

3. Kegagalan tuan/puan atau individu/mereka yang dibawah jagaan tuan/puan hadir menjalani pemeriksaan boleh ditafsir sebagai enggan bekerjasama bagi membendung penyebaran penyakit berjangkit.

Sekian, terima kasih.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Nama, Tandatangan dan Cop Pegawai Diberi Kuasa)

Pejabat Kesihatan Daerah .....

No. Telefon: .....

Tarikh:.....

s.k. Pegawai Perubatan Y/M

\* potong mana yang tidak berkenaan

Maklumat Penerimaan Notis:

.....  
Tandatangan Penerima

Nama:.....

# PERUNDANGAN

## **RUJUKAN PUNCA KUASA**

### **1. Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)**

Seksyen 3 : Perlantikan pegawai-pegawai diberi kuasa.

Seksyen 4 : Tiada apa-apa jua yang dilaporkan oleh mana-mana pegawai diberikuasa bagi maksud melaksanakan Akta 342 boleh menyebabkan pegawai diberi kuasa itu bertanggung sendiri terhadap apa-apa liabiliti.

Seksyen 5 : Bantuan pegawai-pegawai polis, kastam dan imigresen dan agensi- agensi kerajaan yang lain.

Seksyen 10 : Kehendak supaya memberitahu tentang penyakit berjangkit.

Seksyen 12 : Orang-orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit

Seksyen 14 : Pengasingan orang-orang yang dijangkiti dan orang-orang yang disyaki.

Seksyen 15 : Pemerhatian atau pengawasan kontak

Seksyen 22 : Kesalahan-kesalahan dan penalti

Seksyen 23 : Mana-mana pegawai diberikuasa boleh hadir di mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah akta ini.

Seksyen 24 : Penalti kesalahan pertama : boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 2 tahun atau didenda atau kedua-duanya. Penalti kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya : boleh dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau didenda atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi RM200.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

## **2. Kanun Acara Jenayah (Akta 593)**

Pegawai berkuasa boleh merujuk tatacara yang terkandung dalam Kanun Acara Jenayah (KAJ) untuk membuat rakaman percakapan jika perlu.

Seksyen 3 : Semak KAJ.

Seksyen 111(1) : Seorang Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan boleh dengan arahan bertulis memanggil mana-mana orang yang dari maklumat yang diperolehinya atau sebaliknya tahu tentang keadaan kes itu, dan orang tersebut hendaklah menghadirkan dirinya sebagaimana yang dikehendaki.

Seksyen 111(2) : Sekiranya mana-mana orang tersebut enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki Pegawai Polis boleh melaporkan keengganan orang itu kepada Majistret yang boleh pada budi bicaranya mengeluarkan waran supaya orang itu hadir sebagaimana yang diarahkan mengikut perintah itu.

Seksyen 112(1) : Seorang Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan polis di bawah bab ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang tahu tentang fakta-fakta dan keadaan kes, dan akan menurun dalam bentuk bertulis apa-apa kenyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

## SENARAI RUJUKAN

1. Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Peraturan-Peraturan(Akta 342)
2. Polisi Dan Surat Pekeliling Mengenai HIV Kementerian Kesihatan Malaysia, 2003.
3. Trainers Guide and Reference Text HIV
4. Laws OF Malaysia Act 342. Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988: Section 12: Infected persons not to act in a manner likely to spread infectious disease. Section 14: Isolation of infected persons and suspects. Section 15: Observation or surveillance of contacts.
5. Partner Counseling and Referral Services To Identify Persons With Undiagnosed HIV - North Carolina, 2001 -*MMWR*, December 5, 2003, 52(48);1181-1184)
6. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
7. Age Of Majority Act 1971 (Act 21)
8. Laporan CDC Atlanta,  
[<http://www.cdc.gov/HIV/topics/women/resources/factsheets/wsw.htm>].